

02/01/1999

Isu kotak hitam dijangka semakin hangat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Isu pelaksanaan peraturan pemasangan alat pengawasan kelajuan kenderaan atau kotak hitam pada bas ekspres dijangka menjadi semakin hangat minggu depan berikutan beberapa perkembangan baru.

Walaupun persetujuan di antara kerajaan dan pengusaha bas sudah dicapai sebelum ini, beberapa perkara baru berkaitan kos, rasional dan kesan pelaksanaannya akan dibangkitkan lagi minggu depan.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) akan meminta kerajaan mengkaji semula beberapa aspek pelaksanaan peraturan itu kerana ia mungkin memberi kesan negatif terhadap golongan sasaran, iaitu pemandu bas.

Presidennya, Senator Zainal Rampak, berkata kajian semula perlu dilakukan kerana aspek ini membabitkan pemandu secara langsung dan perkara ini tidak diberi pertimbangan sewajarnya oleh kerajaan dan majikan.

Menurutnya, MTUC tidak mahu pemandu menjadi mangsa jika berlaku apa-apa masalah berikutan penguatkuasaan peraturan itu.

"Isu kotak hitam bukan sekadar terhad kepada aspek pemasangan sahaja, malah yang lebih penting ialah aspek penguatkuasaannya," katanya ketika dihubungi hari ini.

Zainal berkata, MTUC sedang mengumpul pelbagai maklumat daripada pengusaha berkaitan persetujuan yang dicapai di antara mereka dengan kerajaan berhubung pelaksanaan peraturan itu.

Menerusi penguatkuasaan peraturan itu, catatan kesalahan memandu melebihi had laju 90 kilometer sejam yang dirakamkan kotak hitam akan dijadikan bukti oleh pihak berkuasa untuk tindakan undang-undang.

Kesan penguatkuasaan ini dijangka menjadi masalah utama berikutan ujian kotak hitam sebelum ini mendapati pemandu terlalu kerap melebihi had kelajuan yang dibenarkan sehingga agak mustahil untuk setiap kesalahan dikompaunkan.

Pengusaha bas juga dijangka membincangkan isu pelaksanaan peraturan itu serta masa depan mereka berhubung cadangan penggabungan syarikat bas di bawah naungan dua syarikat utama minggu depan.

Selain faktor kos pemasangan yang tinggi serta rasional penggunaan alat itu, pengusaha bas masih mempertikaikan mengapa hanya satu syarikat sahaja yang dilantik sebagai pembekal peralatan itu.

Berita Harian juga difahamkan, ada usaha untuk meminta campur tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi menyelesaikan masalah yang sudah lama membelenggui pengusaha bas.

(END)